



20 MAY, 2025

Pelaburan pusat data negara dijangka terus rancak



Berita Harian, Malaysia

Pelaburan pusat data negara dijangka terus rancak

RHB Investment Bank menjangkakan tema pelaburan pusat data (DC) di Malaysia terus mendapat perhatian pelabur susulan pemansuhan peraturan penyebaran kecerdasan buatan (AI) oleh Amerika Syarikat (AS), sekaligus meredakan ketidakpastian terhadap sektor berkenaan.

Dalam nota strategi pasaran terkininya, firma penyelidikan itu berkata langkah pentadbiran AS menggugurkan peraturan era Biden yang menyekat akses kepada unit pemprosesan grafik (GPU) berkuasa tinggi membuka semula laluan kepada pelaburan pusat data di negara seperti Malaysia.

“Perubahan dasar ini melegakan rantaian nilai sektor pusat data merangkumi pembinaan,

hartanah, tenaga, telekomunikasi dan teknologi. Kami percaya tema pelaburan pusat data di Malaysia masih kukuh, disokong aliran berita positif pelaburan dalam beberapa bulan kebelakangan ini,” kata RHB Investment.

Firma itu menjangkakan semula kebangkitan minat pelabur dalam sektor berkenaan, dengan kawasan tumpuan seperti Johor dan Cyberjaya terus menjadi tumpuan utama.

RHB Investment turut menyokong pendekatan baharu AS yang memilih rundingan dua hala dengan negara berkaitan untuk menentukan akses kepada GPU canggih berbanding pendekatan unilateral, yang disifatkan lebih adil serta membuka ruang untuk jaminan bersama bagi memben-

dung penyalahgunaan teknologi.

“Malaysia yang sebelum ini diletakkan dalam kategori Tier-2 dijangka meraih manfaat langsung daripada dasar baharu ini, manakala negara Tier-3 yang sememangnya dilarang mengakses teknologi AS tidak akan mengalami perubahan ketara,” tambahnya.

Dalam sektor pembinaan, firma itu menjangkakan prospek pekerjaan berkaitan pusat data kekal kukuh, memberi limpahan pendapatan kepada kontraktor tempatan. Sebagai contoh, kapasiti pusat data dirancang di Johor sebanyak 822 megawatt (MW) dijangka menghasilkan nilai kerja sekitar RM16 bilion.

Sementara itu, dalam sektor hartanah, pemansuhan dasar

penyekatan AI oleh AS dijangka meredakan kebimbangan pelabur terhadap kemungkinan kelewatan atau pembatalan projek besar pusat data yang telah dimeterai bersama pemilik tanah, pemaju dan kontraktor.

“Rundingan yang sedang berlangsung dengan pengendali pusat data bagi projek-projek baharu dijangka lebih lancar, walaupun pemilik tanah akan lebih berhati-hati terhadap sebarang risiko kawal selia,” kata RHB Investment.

Antara saham pilihan utama RHB Investment dalam tema pusat data termasuklah Tenaga Nasional Bhd, Gamuda Bhd, YTL Power International Bhd, Sime Darby Property Bhd dan Sunway Construction Group Bhd.